



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN JANUARI 2023[#]

Nilai Perdagangan, Eksport dan Import Tertinggi bagi Januari

Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan momentum peningkatan pada Januari 2023 dengan perdagangan, eksport dan import mencatatkan nilai bulanan tertinggi bagi bulan Januari. Perdagangan berkembang sebanyak 1.9% tahun ke tahun kepada RM207.51 bilion. Eksport naik 1.6% kepada RM112.84 bilion dan import meningkat 2.3% kepada RM94.67 bilion. Lebihan dagangan berjumlah RM18.16 bilion, mengurang 2.1%. Ini merupakan lebihan dagangan yang ke-33 bulan berturut-turut dicatatkan sejak Mei 2020.

Pertumbuhan eksport disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum, gas asli cecair (LNG) serta barangan elektrik dan elektronik (E&E). Eksport ke rakan dagang utama khususnya ASEAN dan Jepun merekodkan pertumbuhan dua digit.

Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menurun 11.8%, 14.4%, 8.6% dan 35.5%, disebabkan bilangan hari berkerja yang singkat dan cuti perayaan yang panjang.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barangan E&E Kekal Kukuh

Pada Januari 2023, eksport barangan perkilangan yang merangkumi 84.2% daripada jumlah eksport menyusut secara marginal sebanyak 0.1% tahun ke tahun kepada RM94.97 bilion. Ini berikutan eksport yang lebih rendah bagi barangan perkilangan

logam, keluaran getah serta barangan besi dan keluli. Walau bagaimanapun, kenaikan eksport dicatatkan bagi keluaran petroleum, barangan E&E, barangan optik dan saintifik serta barangan minuman dan tembakau. Secara kolektif, eksport keluaran petroleum dan barangan E&E menyumbang 52.2% kepada jumlah eksport Malaysia dan meningkat sebanyak RM7.66 bilion.

Eksport hasil galian (9.1% syer) melonjak 50.1% tahun ke tahun kepada RM10.23 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-22 bulan berturut-turut, disumbangkan oleh peningkatan eksport LNG.

Eksport keluaran pertanian (6.2% syer) menurun 19.8% kepada RM7.01 bilion berbanding Januari 2022 disebabkan oleh eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih rendah.

Barangan eksport utama pada Januari 2023:

- Barangan E&E, bernilai RM46.96 bilion dan merangkumi 41.6% daripada jumlah eksport, meningkat 4.7% berbanding Januari 2022;
- Keluaran petroleum, RM11.92 bilion, 10.6% daripada jumlah eksport, melonjak 87.5%;
- LNG, RM6.68 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, melonjak 62.3%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.78 bilion, 5.1% daripada jumlah eksport, mengurang 6.6%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM5.29 bilion, 4.7% daripada jumlah eksport, mengurang 23.2%.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport hasil galian naik 5.8% manakala eksport barangan perkilangan dan keluaran pertanian masing-masing menyusut 14% dan 36.4%.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN – Eksport Rekod Pertumbuhan Dua Digit ke-18 Bulan Berturut-Turut

Pada Januari 2023, perdagangan dengan ASEAN menyumbang 26.6% kepada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 5.6% tahun ke tahun kepada RM55.26 bilion. Eksport berkembang sebanyak 10.7% kepada RM34.1 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-18 bulan berturut-turut. Ini disumbangkan oleh peningkatan eksport keluaran petroleum dan barangan E&E. Import dari ASEAN menurun 1.8% kepada RM21.16 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM17.92 bilion, meningkat 19%;
- Thailand RM5.63 bilion, ↑8.3%;
- Viet Nam RM3.90 bilion, ↓7.9%;
- Indonesia RM3.47 bilion, ↓1.8%;
- Filipina RM1.84 bilion, ↑1.6%;
- Brunei RM588.6 juta, ↑45.6%;
- Myanmar RM505.3 juta, ↑50.1%;
- Kemboja RM238.5 juta, ↑13.1%; dan
- Lao PDR RM7.8 juta, ↑112.9%.

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan pertumbuhan adalah **Singapura** yang berkembang sebanyak RM2.86 bilion, disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi barangan E&E dan **Thailand** (↑RM431.4 juta, keluaran petroleum).

Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing mengurang 11.6%, 10.3% dan 13.6%.

China – Eksport Barangan E&E Kekal Kukuh

Pada Januari 2023, perdagangan dengan China yang merangkumi 17.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia menguncup 7.9% tahun ke tahun kepada RM37.01 bilion. Eksport ke China bernilai RM14.98 bilion, menurun 11.9% berikutan penyusutan

eksport barangan besi dan keluli serta keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, kenaikan eksport telah direkodkan bagi kimia dan bahan kimia serta barangan E&E. Import dari China mengurang 4.9% kepada RM22.03 bilion.

Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing mengurang sebanyak 11.7%, 16.6% dan 8.1%.

AS – Perdagangan Kekal Pertumbuhan Positif

Perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) pada Januari 2023, yang merangkumi 9% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 1.2% tahun ke tahun kepada RM18.72 bilion. Eksport berjumlah RM12.05 bilion, menyusut secara marginal sebanyak 0.6% disebabkan eksport yang lebih rendah bagi barangan besi dan keluli, barangan kayu serta keluaran getah. Walau bagaimanapun, pengurangan ini telah diimbangi oleh peningkatan eksport barangan E&E, keluaran petroleum serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari AS naik 4.7% kepada RM6.67 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menguncup sebanyak 16.8%, 22% dan 5.3%.

EU – Perdagangan Kekal Kukuh

Pada Januari 2023, perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang mewakili 8.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia berkembang sebanyak 3.5% tahun ke tahun kepada RM17.09 bilion. Eksport naik 1.4% kepada RM9.35 bilion, disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum, barangan perkilangan logam serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari EU meningkat 6.1% kepada RM7.74 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 92.5% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM2.87 bilion, mengurang 3.1%;

- Jerman RM2.29 bilion, ↓4.1%;
- Belgium RM934.9 juta, ↑62%;
- Perancis RM608.7 juta, ↑40.8%;
- Sepanyol RM546.4 juta, ↑54.6%;
- Itali RM468.6 juta, ↓33.2%;
- Republik Czech RM382.8 juta, ↑56.1%;
- Poland RM244.6 juta, ↓24.2%;
- Hungary RM181.6 juta, ↓35.2%; dan
- Sweden RM124.7 juta, ↓16.2%.

Eksport ke pasaran utama EU yang merekodkan pertumbuhan adalah **Belgium**, meningkat sebanyak RM357.7 juta dan **Perancis** (↑RM176.3 juta) disumbangkan oleh pertambahan eksport keluaran petroleum, manakala eksport ke **Sepanyol** naik sebanyak RM192.9 juta berikutan eksport yang kukuh bagi barangan perkilangan berasaskan minyak sawit.

Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing mengurang 16%, 22.9% dan 5.8%.

Jepun – LNG Sokong Pertumbuhan Dua Digit Eksport

Pada Januari 2023, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia naik 8.8% tahun ke tahun kepada RM14.09 bilion. Eksport meningkat 13.2% kepada RM8.19 bilion, merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-23 bulan berturut-turut dan disokong oleh pertambahan eksport LNG. Import dari Jepun berkembang 3.2% kepada RM5.9 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport meningkat 3.6% manakala perdagangan dan import masing-masing menguncup sebanyak 3.8% dan 12.5%.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Januari 2023, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang menyerap 68.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat

0.9% tahun ke tahun kepada RM141.46 bilion. Eksport ke rakan dagang FTA naik 3.9% kepada RM80.03 bilion dan import berkurang 2.6% kepada RM61.44 bilion.

Peningkatan eksport telah direkodkan ke **Australia**, yang naik sebanyak 27.8% kepada RM3.63 bilion dan **New Zealand** (↑176% kepada RM821 juta), disokong oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum. Sementara itu, eksport ke **Hong Kong SAR** berkembang 4% kepada RM7.13 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan besi dan keluli, **Republik Korea (ROK)** (↑4.1% kepada RM4.01 bilion, LNG), **Mexico** (↑61.5% kepada RM1.81 bilion, barangan E&E) dan **Peru** (↑103.5% kepada RM101.9 juta, kimia dan bahan kimia).

Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 10.6%, 11.1% dan 10.1%.

Prestasi Import

Pada Januari 2023, tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 70.3% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM48.56 bilion atau 51.3% daripada jumlah import, mengurang 3.9%, berikutan penurunan import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan;
- **Barangan modal**, bernilai RM9.7 bilion atau 10.2% daripada jumlah import, menurun 1.7%, disebabkan oleh penyusutan import barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, bernilai RM8.25 bilion atau 8.7% daripada jumlah import, menyusut 4.7%, hasil pengurangan import barangan tahan lama.

Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya *International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010)* yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai “barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Selasa, 28 Februari 2023 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan Januari 2023 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 22 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR, Hong Kong SAR, Kanada, Mexico dan Peru.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, Kesatuan Eropah (EU) adalah tidak termasuk United Kingdom.
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barangan). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunapakai daripada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengkelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.
- Jumlah bagi pengiraan tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
2022^P				
Januari	111,068.0	92,507.4	18,560.6	203,575.5
Februari	102,266.2	82,451.8	19,814.4	184,718.0
Mac	131,559.5	104,911.9	26,647.6	236,471.3
April	127,584.7	104,105.0	23,479.7	231,689.8
Mei	120,491.6	107,793.9	12,697.8	228,285.5
Jun	146,026.3	124,162.8	21,863.5	270,189.2
Julai	134,073.9	118,488.8	15,585.1	252,562.7
Ogos	141,271.2	124,234.4	17,036.8	265,505.6
September	144,253.1	112,415.9	31,837.2	256,669.1
Oktober	131,586.2	113,525.1	18,061.1	245,111.3
November	129,663.9	107,907.1	21,756.7	237,571.0
Disember	131,774.5	103,631.8	28,142.6	235,406.3
2022 (Jan-Dis)^P	1,551,619.2	1,296,136.0	255,483.1	2,847,755.2
2023^P				
Januari	112,836.5	94,674.2	18,162.3	207,510.7
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<i>-14.4</i>	<i>-8.6</i>	<i>-35.5</i>	<i>-11.8</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>1.6</i>	<i>2.3</i>	<i>-2.1</i>	<i>1.9</i>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI 2023)

Barangan	Jan 2023 ^P	Dis 2022 ^P	Jan 2022 ^P	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	112,836.5	131,774.5	111,068.0	-14.4	1.6
Barangan E&E	46,956.7	52,287.8	44,860.1	-10.2	4.7
Keluaran petroleum	11,921.1	11,636.8	6,358.9	2.4	87.5
LNG	6,675.1	6,406.5	4,113.1	4.2	62.3
Kimia & Bahan Kimia	5,780.2	6,815.5	6,188.2	-15.2	-6.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	5,287.7	9,008.7	6,883.0	-41.3	-23.2
Barangan Optik & Saintifik	4,116.6	5,321.0	3,862.7	-22.6	6.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	4,078.6	5,636.7	4,631.0	-27.6	-11.9
Barangan perkilangan logam	3,788.4	4,993.1	5,821.5	-24.1	-34.9
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	2,459.5	2,954.9	3,143.6	-16.8	-21.8
Barangan Besi & Keluli	2,040.4	2,419.7	2,952.5	-15.7	-30.9

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI 2023)

Pasaran	Jan 2023 ^P	Dis 2022 ^P	Jan 2022 ^P	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	112,836.5	131,774.5	111,068.0	-14.4	1.6
Singapura	17,915.5	20,815.9	15,057.4	-13.9	19.0
China	14,975.0	17,957.1	17,000.8	-16.6	-11.9
AS	12,045.3	15,452.2	12,123.7	-22.0	-0.6
Jepun	8,188.8	7,906.7	7,236.4	3.6	13.2
Hong Kong SAR	7,132.6	8,079.6	6,858.7	-11.7	4.0
Thailand	5,634.8	5,010.8	5,203.4	12.5	8.3
ROK	4,013.5	5,168.7	3,857.0	-22.4	4.1
Viet Nam	3,904.2	4,704.8	4,237.6	-17.0	-7.9
Australia	3,631.8	3,802.9	2,842.2	-4.5	27.8
Indonesia	3,471.5	4,321.5	3,533.8	-19.7	-1.8

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI 2023)

Barangan	Jan 2023 ^p	Dis 2022 ^p	Jan 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	94,674.2	103,631.8	92,507.4	-8.6	2.3
Barangan E&E	28,463.1	30,519.3	30,207.5	-6.7	-5.8
Keluaran Petroleum	9,166.9	11,172.8	6,780.3	-18.0	35.2
Kimia & Bahan Kimia	8,387.6	8,905.8	9,790.9	-5.8	-14.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,322.8	8,258.9	7,015.8	-11.3	4.4
Barangan Perkilangan Logam	5,696.0	5,768.8	4,715.0	-1.3	20.8
Petroleum Mentah	4,496.2	3,917.1	1,408.4	14.8	219.2
Kelengkapan Pengangkutan	4,153.3	4,583.9	2,822.2	-9.4	47.2
Barangan Optik & Saintifik	2,348.4	2,556.9	2,232.9	-8.2	5.2
Barangan Makanan Diproses	2,271.9	2,398.6	2,531.4	-5.3	-10.3
Barangan Besi & Keluli	1,877.9	2,358.3	3,203.6	-20.4	-41.4

JADUAL 5: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI 2023)

Sumber	Jan 2023 ^p	Dis 2022 ^p	Jan 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	94,674.2	103,631.8	92,507.4	-8.6	2.3
China	22,033.0	23,974.2	23,166.2	-8.1	-4.9
Singapura	8,428.5	10,647.3	8,790.1	-20.8	-4.1
AS	6,670.9	7,046.5	6,371.6	-5.3	4.7
Taiwan	6,523.2	8,002.6	7,247.2	-18.5	-10.0
Jepun	5,903.0	6,743.1	5,718.0	-12.5	3.2
Indonesia	5,498.0	5,567.1	4,688.5	-1.2	17.3
ROK	3,954.6	4,591.9	4,672.5	-13.9	-15.4
Thailand	3,885.7	4,543.8	4,126.1	-14.5	-5.8
Australia	3,310.1	3,711.8	1,830.3	-10.8	80.9
Arab Saudi	3,303.2	3,089.1	982.2	6.9	236.3

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Disediakan oleh: MATRADE

Nota:
p – data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2017 – JANUARI 2023#

